

<p><b>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>Sila baca helaian pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih produk Kemudahan Overdraft AmBank. Pastikan anda turut membaca segala terma yang terdapat di dalam surat tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada pihak AmBank (M) Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma am yang dinyatakan di dalam dokumen ini.</p>	 <b>AmBank Group</b> AmBank Kemudahan Overdraft Tarikh :
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p> <p>Suatu pinjaman pusingan yang diberikan secara bayaran tertangguh dan atas permintaan; tertakluk kepada kajian semula tahunan Ambank. Pinjaman ini disediakan melalui akaun semasa anda. Anda boleh mengeluarkan sejumlah amaun tertakluk pada had kemudahan Overdraft (OD) yang diberikan.</p>	
<p><b>2. Apakah yang akan saya perolehi dari produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Jumlah amaun pembiayaan : RM.....</li> <li>● Kadar Faedah : .....% setahun di atas Kadar Asas (KA).           <ul style="list-style-type: none"> <li>○ KA semasa ialah .....% setahun.</li> </ul> </li> <li>● Tempoh : Pembayaran atas permintaan dan tertakluk pada semakan tahunan.</li> </ul>	
<p><b>3. Apakah tanggungan saya?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Yuran komitmen: Sehingga 1% dikenakan terhadap amaun kemudahan yang tidak digunakan, bayaran tunggakan secara bulanan.</li> <li>● Kadar Faedah dikira setiap hari pada penghujung setiap hari perniagaan berdasarkan amaun kemudahan yang digunakan</li> </ul>	
<p><b>4. Apakah caj lain yang perlu dibayar?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Duti setem</b> Seperti yang ditetapkan dalam Akta Setem 1949 (Semakan semula 1989).</li> <li>● <b>Jaminan Syarikat Jaminan Kredit (CGC)</b> (jika berkaitan) <b>RM.....</b> Yuran Jaminan dikenakan berdasarkan CGC ..... Skim Jaminan dan adalah .....% untuk amaun tanpa cagaran, dan .....% untuk amaun bercagar. Yuran adalah kena dibayar setiap tahun dan akan dikutip dahulu (sebelum pembayaran) untuk tahun pertama, dan debit terus dari akaun pembiayaan anda untuk tahun-tahun berikutnya.</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Sebarang perubahan caj akan dimaklumkan di laman web AmBank (<a href="http://www.ambankgroup.com">www.ambankgroup.com</a>) 21 hari sebelum pelaksanaan perubahan tersebut.</p>	
<p><b>5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungan saya?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Caj lewat bayar, 1% setahun akan dikenakan pada amaun tungakkan.</li> <li>● Faedah Lebih Baki: 6.36% setahun melebihi KA akan dikenakan atas semua amaun yang dikeluarkan melebihi kemudahan yang diluluskan.</li> <li>● Hak untuk Tolak-Selesai: Pihak Bank berhak mengambil tindakan iaitu menolak selesai baki belum jelas dalam akaun anda dengan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda dengan pihak Bank.</li> <li>● Tindakan undang-undang akan di ambil ke atas anda dan penjamin sekiranya gagal memberi maklumbalas terhadap notis peringatan yang dikeluarkan dengan mengambil cagaran anda (jika ada).</li> </ul>	
<p><b>6. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan pinjaman sebelum tarikh sekatan matang?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Tidak berkaitan.</li> </ul>	
<p><b>7. Apakah saya memerlukan perlindungan insurans?</b></p> <p>Ya, perlindungan insurans diperlukan untuk melindungi cagaran yang dijanjikan kepada pihak Bank untuk melindungi kemudahan overdraf. Anda bebas memilih perlindungan insurans dari syarikat insurans lain yang dipersetujui pihak Bank.</p> <p>Insurans yang berkaitan kemudahan ini adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Insurans Kadar Tetap (LTA)</b>, menyediakan perlindungan bagi overdraf bercagar dan tidak bercagar dan bergantung pada pembaharuan tahunan. Polisi ini memberi perlindungan ke atas kematian atau hilang upaya kekal dan keseluruhan (TPD) terhadap pengarah dan pemilik syarikat. <b>dan / atau</b></li> <li>● <b>Insurans Kebakaran</b>, memberi perlindungan kepada harta tanah kediaman dan harta tanah komersial yang dicagarkan kepada pihak Bank. Ia melindungi kerusakan atau kemasuhan yang disebabkan kebakaran dan membantu anda dalam menghadapi kos pembinaan atau pembakaian harta tanah sekiranya berlakunya kebakaran.</li> </ul>	

## 8. Apakah risiko utama?

- Jika anda tidak melunaskan bayaran balik, anda bukan sahaja perlu menanggung jumlah amaun yang perlu dibayar, malah anda akan bertanggungjawab untuk melunaskan semua kos perbelanjaan bagi tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap anda.
- Jika Kadar Faedah bergantung pada perubahan Kadar Asas (KA), kadar faedah turut berubah mengikut KA. Semakin tinggi Kadar Faedah, semakin tinggi ansuran bulanan anda.

### Nota:

- Notis perubahan KA akan dimaklumkan pada anda. Anda diberikan 7 hari jika ingin membuat sebarang perubahan pada pembiayaan anda.
- Jika anda menghadapi sebarang masalah dalam pembayaran balik pinjaman, sila hubungi AmBank secepat yang mungkin bagi membincangkan alternatif pembayaran balik.

## 9. Adakah saya perlukan cagaran atau penjamin?

- Cagaran – Ya, pihak Bank juga berhak meminta cagaran untuk melindungi pembiayaan anda.
- Penjamin – Tertakluk pada budi bicara dan penilaian kredit oleh AmBank.
  - Syarikat Jaminan Kredit (CGC)
  - Wajib bagi syarikat Sdn Bhd.

## 10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada butiran hubungan saya?

- Menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2178 8888
- Melawati cawangan AmBank yang terdekat
- Menulis surat kepada:  
*Asset Financing & Small Business Department, Level 33, Menara AmBank, No.8, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur*  
(nyatakan **Nombor Akaun anda sebagai rujukan**, untuk tindakan selanjutnya).

## 11. Dimana boleh saya dapatkan maklumat lanjut atau memberi cadangan atau membuat sebarang aduan?

- Untuk maklumat lanjut, anda boleh menghubungi AmBank melalui alamat yang diberi di atas atau melayari laman web kami di [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com) atau menghantar emel kepada [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)

• Jika anda mengalami masalah dalam membuat bayaran, anda perlu menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi:	• Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma terhadap pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:  Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur Tel: 1-800-22-2575 Email: <a href="mailto:enquiry@akpk.org.my">enquiry@akpk.org.my</a>	• Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau servis yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:  AmBank (M) Berhad Customer Services Level 3, Menara AmBank No.8, Jalan Yap Kwan Seng 50450 Kuala Lumpur  Tel: 03 – 2167 3000	• Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:  Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Fax: 03-2174 1515 Email: <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a>
--	--	--	---

## PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL KE ATAS ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN UNTUK BAKI BELUM BAYAR.

Segala maklumat dalam helaiannya ini adalah sah pada ..... atau sehingga ..... (hh/bb/tt)

*Penafian: Amaun pembiayaan sebenar yang akan diberi oleh AmBank adalah begantung pada penilaian kredit anda oleh AmBank. Penyampaian Helaian Pendedahan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank untuk memberi anda apa-apa kemudahan.*

Melainkan diperuntukkan sebaliknya di dalam dokumen ini, pihak-pihak bersetuju bahawa Fi dan apa-apa wang lain yang kena dibayar di bawah dokumen ini adalah termasuk cukai barang dan perkhidmatan ("CBP") sebagaimana yang terpaktai di bawah peruntukan Undang-undang CBP.

**AmBank (M) Berhad (8515 – D)**  
Ahli Kumpulan AmBank Group

PDS/OD/Apr2015